

NO. SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 31. 7. 2017 (ISNIN)

Tuan William Leong Jee Keen [SELAYANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa AP untuk mengimport gula, nama pemegang AP dan mengapa Kerajaan tidak membenarkan pengimportan gula secara bebas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin berhubung bekalan dan harga gula di negara supaya pengguna tidak terbeban ekoran harga gula mentah dunia yang tidak stabil. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan bekalan dan harga gula negara stabil, Kerajaan membenarkan pengimportan gula ke dalam negara melalui pengilang-pengilang serta pemborong-pemborong gula. Bagi tempoh 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 726 AP import gula telah dikeluarkan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 721 AP adalah untuk mengimport lain-lain gula seperti gula merah, gula icing dan pemanis makanan manakala selebihnya adalah AP untuk mengimport gula bertapis.